

# Kod Niaga dan Kod Etika

Demi Memperoleh Kecemerlangan Etika



Click image to review  
Gregg Lowe's biography

#### Kepada Semua Pekerja Freescale:

Freescale telah membina reputasi untuk mengekalkan standard tataniaga dan tataetika yang tertinggi, dan kita berbangga bahawa Freescale telah menerima berbagai anugerah sejak enam tahun yang lalu sebagai pengiktirafan terhadap kualiti program etika dan pematuhan ini.

Reputasi integriti dan kejujuran kita memberi kita kelebihan bersaing yang ketara dan telah membantu kita membina kepercayaan dengan rakan niaga, pelanggan, pemerintah dan komuniti kita. Integriti kita merupakan salah satu aset yang paling penting dan adalah penting agar kita beroperasi secara sah dan beretika, dalam semua perkara yang kita lakukan dan di mana-mana juga kita menjalankan perniagaan kita.

Kod Niaga dan Kod Etika Freescale memberi panduan kepada semua aktiviti pekerja sambil kita berusaha untuk bertindak dengan integriti, berkomunikasi secara terbuka dan jujur serta melayani semua orang dengan rasa hormat dan adil. Setiap pekerja di seluruh Syarikat, di semua peringkat dan lokasi, dikehendaki mematuhi Kod ini dan memastikan bahawa semua aktiviti dan keputusan perniagaan menggambarkan komitmen kita terhadap Kecemerlangan Etika.

Kita menjalankan perniagaan setiap hari dalam persekitaran global yang kompleks dan kadangkala bercanggah dengan undang-undang, peraturan, keutamaan dan pelbagai adat perniagaan. Tiada panduan yang boleh meliputi semua keadaan yang mungkin mewujudkan dilema etika dalam kewajipan tugas harian anda.

## Utusan daripada Gregg Lowe, CEO



Jika anda tidak pasti bagaimana untuk bertindak dalam sesuatu situasi yang tertentu, atau ingin mengemukakan kebimbangan atau melaporkan kelakuan yang menimbulkan persoalan, anda mempunyai beberapa sumber yang tersedia untuk membantu anda: bercakap dengan pengurus anda atau seseorang yang lain dalam rantaian pengurusan anda, bercakap dengan wakil Sumber Manusia anda, atau hubungi Talian Bantuan Etika secara sulit melalui telefon atau e-mel. Sebarang kebimbangan yang munasabah dan jujur mengenai kelakuan yang tidak sah atau tidak beretika boleh dikemukakan tanpa rasa takut terhadap tindak balas dalam apa bentuk sekalipun. Tindak balas adalah suatu perbuatan yang tidak sama sekali diterima di Freescale.

Anda merupakan ahli pasukan Freescale yang dihargai, dan kesedaran serta pematuhan anda kepada nilai dan Kod kita akan membantu kita untuk terus menjadikan Freescale sebuah syarikat yang berjaya dengan rasa bangga dan berintegriti.

Terima kasih,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "G. Lowe".

Gregg Lowe  
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif



## Kandungan

<b>Utusan daripada Gregg Lowe, CEO</b>	2	<b>Tanggungjawab Kita terhadap Freescale</b>	16
<b>Selamat datang ke Kod Kita</b>	4	<b>Konflik Kepentingan</b>	16
<b>Tujuan – Kecemerlangan Etika Melibatkan Kita Semua</b>	4	<b>Keahlian Lembaga</b>	17
<b>Saluran untuk Mengemukakan Soalan dan Kemosykilan</b>	6	<b>Pelaburan</b>	17
<b>Mengemukakan Isu</b>	6	<b>Melaporkan Perhubungan</b>	17
<b>Penyiasatan Laporan</b>	6	<b>Peluang Korporat</b>	18
<b>Komitmen Freescale kepada Tiada Tindakan Balas</b>	7	<b>Aset dan Maklumat Syarikat</b>	18
<b>Tanggungjawab kita terhadap Rakan Sejawat Kita</b>	8	<b>Perdagangan Dalaman</b>	19
<b>Hormat, Kepelbagai dan Rangkuman</b>	8	<b>Rekod Kewangan</b>	20
<b>Bebas Daripada Gangguan</b>	9	<b>Tanggungjawab Kita terhadap Komuniti Kita</b>	21
<b>Kesihatan, Keselamatan dan Tempat Kerja Tanpa Keganasan</b>	9	<b>Pematuhan Perdagangan</b>	21
<b>Maklumat Peribadi</b>	10	<b>Perlindungan Alam sekitar</b>	22
<b>Tanggungjawab Kita terhadap Pihak Ketiga Kita</b>	11	<b>Aktiviti Politik dan Kebajikan</b>	22
<b>Layanan yang Saksama</b>	11	<b>Pertanyaan Pihak Luar</b>	23
<b>Maklumat Pihak Ketiga</b>	11	<b>Pengecualian</b>	24
<b>Persaingan Yang Adil</b>	12		
<b>Antirasuah</b>	13		
<b>Hadiah dan Keraian</b>	14		
<b>Pelanggan Kerajaan</b>	15		

# Selamat datang ke Kod Kita



Selamat datang ke Kod Niaga dan Kod Etika Freescale. Sebelum membaca kandungan Kod ini, sila luangkan sedikit masa untuk membaca ringkasan gambaran menyeluruh ini. Gambaran keseluruhan ini menerangkan tujuan Kod kita, serta skop aplikasinya. Kita, sebagai para pekerja, pegawai dan pengarah Freescale dipertanggungjawabkan ke atas harapan umum yang telah diringkaskan ini. Jika pada bila-bila masa ketika anda membaca Kod ini, anda mempunyai soalan yang tidak dijawab oleh Kod ini atau dasar Syarikat, sumber-sumber yang disenaraikan dalam seksyen yang berikut boleh membantu.

## Tujuan – Kecemerlangan Etika Melibatkan Kita Semua

Di Freescale, kita berusaha secara berterusan untuk mencapai Kecemerlangan Etika—yang bermaksud kita memenuhi keperluan pelanggan kita, rakan sejawat dan komuniti kita dengan mengekalkan standard Kod Niaga dan Kod Etika yang tertinggi. Kod kita adalah panduan untuk membantu kita berpegang pada prinsip syarikat. Panduan ini meringkaskan pelbagai undang-undang yang mentadbir operasi kita sebagai sebuah Syarikat, serta kelakuan yang diharapkan daripada kita sebagai individu yang bekerja bagi pihak Freescale. Kod kita bukan sekadar membincangkan keperluan undang-undang yang minimum. Di dalamnya juga menerangkan nilai-nilai etika yang kita kongsi sebagai pekerja Freescale, menawarkan panduan moral yang tinggi kepada bahagian undang-undang yang mengandungi kesamaran.

Kod ini bukanlah suatu kontrak, mahupun meliputi setiap situasi yang mungkin kita hadapi dalam kerja sehari-harian kita. Sebaliknya, ini merupakan sumber berguna yang mengetengahkan isu-isu penting dan mengenal pasti sumber-sumbernya untuk membantu kita melakukan perkara yang betul. Dengan memahami dan mematuhi Kod ini, kita membuat keputusan yang akan memastikan kejayaan Syarikat kita dan mengekalkan integriti kita dalam komuniti global.

## Applikasi

Kod kita melibatkan semua pekerja, pegawai dan pengarah Freescale. Pematuhan terhadap Kod kita bukan suatu pilihan, dan peraturan serta garis panduannya tidak berubah mengikut pangkat atau jawatan. Selain daripada Kod dan dasar Syarikat kita, kita juga perlu tahu dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikenakan kepada kerja yang kita lakukan dan di negara tempat kita menjalankan perniagaan. Para pembekal, ejen, rakan niaga, perunding dan pemegang lesen kita juga dikehendaki mematuhi prinsip yang serupa.

## Kecemerlangan Etika

Kita semua tahu bahawa kita bertanggungjawab terhadap standard Kecemerlangan Etika. Tetapi apakah maksud istilah Kecemerlangan Etika bagi kita sebagai pekerja, pegawai dan pengarah Freescale? Apakah maksudnya istilah itu kepada pengurus Freescale kita?

Sebagai pekerja, pegawai dan pengarah, ini bermaksud kita dikehendaki mematuhi Kod kita, untuk bertindak dengan integriti, untuk berkomunikasi secara terbuka dan jujur dan melayani semua orang yang berinteraksi dengan kita secara adil dan dengan rasa hormat. Kita tidak mahu mengambil jalan pintas atau mengukur komitmen kita—ini merupakan bahagian yang malar dalam budaya Freescale. Kita mematuhi semua undang-undang yang dikenakan di lokasi tempat kita menjalankan perniagaan. Selain itu, kita membuat keputusan yang bijak dan beretika yang bukan sahaja memberi manfaat kepada Syarikat kita, bahkan juga pelanggan, rakan niaga, rakan sejawat kita serta komuniti tempat kita berkembang maju.


Para Pengurus di Freescale terutamanya, dikehendaki mewujudkan persekitaran yang menyokong nilai-nilai ini. Jika anda merupakan seorang pengurus, anda hendaklah memimpin melalui teladan, menunjukkan Kecemerlangan

Etika dalam semua perkara yang anda lakukan, anda mempunyai tanggungjawab untuk:

- Menggalakkan komunikasi dua hala yang terbuka dan jujur
- Menjadi aktivis yang positif dan contoh
- Menunjukkan rasa hormat dan bertimbang rasa terhadap semua pekerja, pelanggan dan rakan niaga; serta
- Mengambil tindakan bagi mengelakkan kelakuan tidak beretika atau tidak sah yang sebenar atau yang berkemungkinan berlaku

Jika anda, sebagai pengurus, mempunyai kebimbangan mengenai sama ada sesuatu aktiviti itu adalah tidak beretika atau tidak sah, kaji situasi itu dengan pengurus anda sendiri, Sumber Manusia atau Jabatan Undang-Undang. Jika anda mahu, anda boleh juga menghubungi Talian Bantuan Etika untuk membuat laporan. Kemudian, ambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membetulkan situasi. Para pengurus dilarang daripada membuat tindakan balas, bertoleransi terhadap tindakan balas terhadap mana-mana pekerja yang mengemukakan kemusykilan dengan niat baik.

Walau apapun peranan kita di Freescale, kita semua mempunyai tanggungjawab peribadi untuk membaca dan mematuhi Kod ini dan undang-undang yang diterima pakai terhadap kerja kita. Jika anda mempunyai sebarang soalan atau kebimbangan mengenai sama ada sesuatu tindakan itu adalah tidak sah atau tidak beretika, bertanya dengan pengurus anda atau sumber lain yang disenaraikan dalam "Saluran untuk Mengemukakan Soalan dan Kemosykilan." Kegagalan untuk mematuhi Kod atau undang-undang akan mengakibatkan tindakan disiplin, termasuk pemecatan.



**Peringatan:** melakukan perkara yang betul adalah sebahagian daripada budaya Freescale dan dijangka daripada kita semua. Tiada dokumen boleh menjamin kelakuan beretika—hanya kita yang boleh melakukannya. Kecemerlangan Etika adalah standard yang kita di Freescale telah dipertanggungjawabkan ke atas diri kita sendiri dan terhadap orang lain.

# Saluran untuk Mengemukakan Soalan dan Kemosyiklan

## Mengemukakan Isu

Berbincang mengenai isu-isu dan melaporkan salah laku membantu kita berkembang dengan lebih kukuh lagi sebagai sebuah organisasi. Ini memudahkan lagi Freescale mengenal pasti masalah dengan lebih awal dan membuat penyelesaian yang menyeluruh—yang akhirnya membawa kepada kejayaan yang berterusan. Itulah sebabnya mengapa, jika anda mempunyai sebarang kemosyiklan mengenai salah laku yang diketahui atau disyaki, Freescale mahu anda mengemukakannya. Bagi soalan mengenai Kod, biasanya tempat pertama untuk dituju ialah pengurus anda. Jika anda tidak berasa selesa untuk membincangkan isu tersebut dengan pengurus anda, anda digalakkan untuk bercakap dengan ahli pengurusan yang lain, Sumber Manusia, Jabatan Undang-Undang, atau menghubungi Talian Bantuan Etika Freescale.

Talian Bantuan Etika Freescale tersedia kepada semua pengguna di seluruh dunia. Talian ini dikendalikan oleh Pejabat Perilaku dan Etika Perniagaan Freescale. Anda boleh menggunakan untuk menyampaikan kemosyiklan anda secara terus dan sulit, atau mendapatkan jawapan bagi soalan-soalan anda mengenai Kod ini, dasar Syarikat, atau undang-undang. Contoh kemosyiklan yang boleh dilaporkan menggunakan Talian Bantuan Etika termasuklah sebarang kaedah perakaunan yang tidak selaras atau tatacara pengauditan, amalan laporan kewangan yang meragukan, pelanggaran terhadap undang-undang keselamatan dan antirasuah (seperti Sarbanes-Oxley, Dodd-Frankand dan Akta Amalan Rasuah bagi Orang Asing), pelanggaran yang mungkin berlaku terhadap sebarang undang-undang cukai, dan sebarang aktiviti lain yang mungkin tidak sah. Talian Bantuan Etika juga membolehkan para pekerja dan pihak ketiga untuk melaporkan sebarang kemosyiklan mengenai

perakaunan, kawalan dalaman, hal audit Freescale kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah Perundangan.

### Talian Bantuan Etika boleh dihubungi:

- Melalui telefon di: (+1) 877-575-5777 ( Negaranegara yang membenarkan panggilan bebas tol ke Amerika. Syarikat.) atau (+1) 480-413-5777.
- Melalui e-mel di: EthicsHelpLine@freescale.com atau melalui Pejabat Perilaku dan Etika Perniagaan Freescale dan melalui halaman Etika yang berada di laman sesawang Summit dengan menggunakan Borang Laporan Web tanpa nama.

Talian Bantuan Etika bukanlah hanya untuk kecemasan. Berterus-teranglah jika anda mengesyaki seseorang telah melanggar undang-undang, secara tidak beretika atau melanggar komitmen kita terhadap Kecemerlangan Etika seperti yang ditetapkan dalam Kod ini. Anda boleh menggunakan Talian Bantuan Etika untuk membincangkan mengenai sebarang soalan, kemosyiklan atau masalah. Pejabat Perlaku dan Etika Perniagaan berusaha untuk memastikan bahawa semua soalan atau kemosyiklan ditangani secara adil, berhati-hati, teliti dan menepati waktu.

Pejabat Perilaku dan Etika Perniagaan Freescale diselia oleh Lembaga Pengarah Jawatankuasa Audit. Freescale juga mempunyai Ketua Pegawai Pematuhan, Pengarah Etika dan jawatankuasa Perilaku dan Kod Etika yang terdiri daripada pemimpin eksekutif yang bertanggungjawab bagi memastikan program ini mematuhi komitmen Freescale ke arah Kecemerlangan Etika.

## Penyiasatan Laporan

Freescale menyiasat semua laporan dengan segera dan teliti, selaras dengan undang-undang setempat. Tidak kira berapa kecil sekali pun sesuatu laporan itu mungkin



kelihatan kepada orang yang melaporkannya, yakinlah bahawa semua kemosyiklan akan diambil serius dan diberikan perhatian yang sewajarnya. Apabila salah laku ditemui, tindakan pembetulan akan diambil—yang bermakna tindakan disiplin yang sesuai untuk individu-individu yang terlibat dan—apabila wajar dan perlu, pengubahan atau peningkatan terhadap dasar, kawalan dan tempat kerja akan dijalankan.

Kita semua dikehendaki mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di mana-mana sahaja di dunia tempat kita menjalankan perniagaan.



## Timbangkan Perkara Ini

Setiap hari, kita membuat keputusan perniagaan bagi pihak Freescale. Keputusan perniagaan seringkali melibatkan pekerja yang kurang jelas, di mana perkara yang betul untuk dilakukan boleh menjadi sukar atau tidak jelas. Jika anda mendapati diri anda berada dalam situasi seperti itu, ingatlah komitmen Freescale untuk menjalankan perniagaan dengan Kecemerlangan Etika. Tanya diri sendiri: adakah tindakan anda mencerminkan komitmen asas Freescale untuk bertindak dengan integriti, berkomunikasi secara terbuka dan jujur, dan melayan semua orang dengan rasa hormat dan adil? Jika tindakan anda akan muncul di Internet atau akhbar hari esok, adakah anda akan berasa bangga? Jika tidak, ini bermakna perbuatan itu adalah salah.

Perbuatan melanggar undang-undang disebabkan oleh keperluan perniagaan atau tanggapan tekanan daripada pihak pengurusan adalah tidak dapat diterima. Jika anda mempunyai soalan atau kemosyikilan mengenai kesahihan sesuatu tindakan itu, anda bertanggungjawab untuk merujuk dengan pihak pengurusan, Jabatan Undang-Undang, atau Talian Bantuan Etika.

## Komitmen Tiada Tindakan Balas Freescale

Freescale menegakkan komitmen tiada tindakan balas yang tegas berkenaan dengan laporan yang melarang seseiap daripada membuang, menurunkan pangkat, menggantung, mendiskriminasi atau mengganggu seseorang sebagai balasan kepada laporan yang dibuat dengan niat baik. Ini bermakna Syarikat kita tidak akan bertoleransi dengan sikap tindakan balas terhadap sebarang individu yang mengemukakan kemosyikilan dengan niat baik. Untuk mengemukakan kemosyikilan “dengan niat baik,” anda hanya perlu jujur dan percaya secara munasabah bahawa anda melaporkan aktiviti yang berkemungkinan tidak beretika atau tidak sah. Ini tidak bermakna anda perlu betul. Sesiapa sahaja boleh mengajukan soalan atau kemosyikilan secara niat baik i berkenaan apa-apa perkara, termasuklah perakaunan, pengauditan, hal kawalan dalaman, pematuhan cukai, atau pelanggaran undang-undang sekuriti yang menimbulkan persoalan, tanpa rasa takut akan sebarang bentuk tindakan balas. Walau bagaimanapun, membuat laporan palsu secara sedar adalah tidak selaras dengan standard Kecemerlangan Etika kita—an ianya akan tertakluk kepada disiplin.

# Tanggungjawab kita terhadap Rakan Sejawat Kita



Kecemerlangan Etika bermaksud kita melayani satu sama lain dengan rasa hormat dan adil sepanjang masa—seperti yang kita ingin diri kita dilayani. Kita menghargai kepelbagaian dan rangkuman, dan menghormati budaya dan adat rakan sejawat, rakan niaga dan pelanggan kita di seluruh dunia.

## Hormat, Kepelbagaian dan Rangkuman

Kecemerlangan Etika bermula dengan semua warga Freescale—and cara kita melayan antara satu sama lain dan cara kita berkelakuan di tempat kerja menetapkan standard untuk cara kita berinteraksi dengan pelanggan, rakan niaga dan komuniti kita. Semasa kita berkerja , kita menghargai pengalaman, latar belakang, budaya yang pelbagai dan idea unik rakan sekerja kita. Kita tidak sekali-kali membentarkan diskriminasi atau gangguan yang melanggar undang-undang ke tempat kerja kita.

Diskriminasi yang melanggar undang-undang bermakna melayani orang lain dengan cara yang berbeza atau membuat keputusan berkaitan pekerjaan berdasarkan ciri-ciri yang dilindungi dari segi undang-undang. Freescale tidak pernah mengambil pekerja, memecat, menaikkan pangkat, memindahkan, atau membuat sebarang keputusan berkaitan pekerjaan berdasarkan:

- Bangsa
- Warna
- Agama
- Jantina
- Umur
- Ketidakupayaan mental atau fizikal
- Status veteran
- Negara asal
- Orientasi seksual
- Sebarang ciri-ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang yang berkuat kuasa



Sebagai sebahagian daripada komitmen Syarikat kepada hak pekerja, Freescale tidak memerlukan seseiap untuk bekerja lebih daripada jumlah jam maksimum buruh harian yang ditetapkan oleh undang-undang setempat. Semua pekerja Freescale dibayar dengan gaji yang sepadan atau melebihi gaji sah minimum atau, jika tiada undang-undang gaji yang wujud, gaji standard industri setempat yang diguna pakai. Selain itu, sebagai pekerja Freescale, kita mempunyai hak untuk menyertai sebarang persatuan pilihan kita sendiri. Kita boleh menolak daripada menyertai mereka, mengikut undang-undang setempat. Semasa berkomunikasi secara terbuka dengan pihak pengurusan berkenaan syarat-syarat pekerjaan kita, kita boleh melakukannya tanpa rasa takut terhadap sebarang tindakan balas.

### Amalan Pengambilan Pekerja

Amalan pengambilan pekerja Freescale juga mematuhi konvensyen Organisasi Buruh Antarabangsa untuk umur minimum dan buruh kanak-kanak. Selain itu, Freescale memastikan terma pekerjaan adalah sentiasa secara sukarela, dan kita tidak sekali-kali menggunakan buruh paksa atau kontrak atau melibatkan diri dalam sebarang amalan pekerjaan yang boleh menggalakkan pemerdagangan manusia. Di samping itu, kita tidak menjalankan perniagaan dengan pihak ketiga yang melakukan perbuatan tersebut. Pekerja mestilah bebas untuk meninggalkan pekerjaan atau menamatkan pekerjaan mereka dengan notis yang berpatutan. Freescale tidak akan mengekalkan hubungan perniagaan dengan organisasi yang tidak mematuhi peraturan ini. Akhir sekali, Freescale tidak akan sekali-kali menghendaki pekerja untuk menyerahkan sebarang pengenalan diri yang

dikeluarkan oleh pemerintah, pasport atau permit kerja sebagai syarat pekerjaan.

### Bebas Daripada Gangguan

Gangguan—suatu bentuk diskriminasi yang mewujudkan persekitaran yang menyenggung perasaan, menakut-nakutkan atau bermusuhan dengan orang lain—tidak mempunyai tempat di Freescale. Gangguan boleh berbentuk lisan, fizikal atau visual dan boleh termasuk jenaka atau teguran yang menghina mengenai ciri-ciri seseorang yang dilindungi dari segi undang-undang. Gangguan juga boleh bersifat seksual, yang melibatkan perbuatan merapati seseorang yang tidak diingini, sentuhan yang tidak wajar atau komen tidak senonoh yang bersifat seksual. Ancaman, keganasan dan intimidasi juga adalah dilarang di Freescale. Kelakuan seperti ini mewujudkan persekitaran kerja yang tidak selesa, tidak beretika dan berkemungkinan tidak selamat, yang menyukarkan kita untuk melakukan kerja dengan yang sebaik-baiknya. Oleh itu, kita mesti berterus-terang apabila kelakuan rakan sejawat membuat kita atau orang lain tidak selesa dan laporkan gangguan apabila ia berlaku. Amalan melaporkan adalah digalakkan dan rasa takut terhadap tindakan balas tidak sepatutnya dirasai oleh pekerja Freescale yang melaporkan gangguan dengan niat baik.

### Kesihatan, Keselamatan dan Tempat Kerja Tanpa Keganasan

Freescale komited untuk memastikan tempat kerja kita sihat, produktif dan bebas daripada bahaya. Kita semua bertanggungjawab untuk mengekalkan tempat kerja yang selamat dengan mematuhi peraturan dan amalan keselamatan dan kesihatan yang telah ditetapkan di lokasi

kita. Kita mempunyai kewajipan untuk segera melaporkan kemalangan atau kecederaan, serta sebarang peralatan, amalan atau keadaan yang tidak selamat kepada penyelia atau sumber yang lain. Kita semua seharusnya berwaspada semasa melaporkan sebarang situasi yang berbahaya, termasuk ancaman yang mungkin berlaku daripada rakan sejawat atau pihak ketiga kita. Perbuatan ini akan membantu mengawal isu ketika ia berlaku dan mengelakkan kejadian yang sama berlaku pada masa hadapan.

Demi keselamatan semua orang, kita perlu melapor diri ke tempat kerja bebas daripada pengaruh sebarang bahan yang boleh menghalang kita daripada menjalankan aktiviti kerja. Oleh itu, kita mungkin tidak dapat bekerja semasa di bawah pengaruh alkohol, dadah yang diharamkan, ubat preskripsi yang salah guna atau salah guna ubat yang terdapat di kaunter. Ini benar tanpa mengira sama ada penggunaan tersebut berlaku semasa waktu kerja atau di premis Syarikat. Selanjutnya, kita tidak boleh sekali-kali

menggunakan, memiliki, memindahkan atau menjual bahan yang dilarang semasa waktu kerja atau semasa berada di premis Freescale. Pengecualian yang terbatas terhadap peraturan ini wujud, sebagai contoh pengambilan alkohol pada kadar yang sederhana semasa acara Syarikat yang dibenarkan mengikut peraturan Syarikat.

Kita dikehendaki berinteraksi dengan sewajarnya dan secara profesional—tidak sekali-kali secara yang menimbulkan ketakutan di dalam diri orang lain. Untuk memelihara keselesaan dan keselamatan semua orang, tindakan atau ancaman keganasan, intimidasi atau salah guna adalah dilarang keras. Selaras dengan undang-undang setempat, Freescale tidak memberarkan senjata api di tempat kerja. Jika anda tahu atau mengesyaki kejadian atau ancaman keganasan di tempat kerja, intimidasi atau salah laku, lapor kan kebimbangan anda kepada penyelia anda atau Sumber Manusia anda dengan segera. Jika anda percaya seseorang berada dalam bahaya , hubungi penguasa

setempat yang sewajarnya sebelum melaporkan perkara itu kepada pihak dalaman.

## Maklumat Peribadi

Kita meletakkan kepercayaan kepada Freescale untuk melindungi maklumat peribadi kita—maklumat yang kami sediakan kepada Syarikat kita sebagai sebahagian daripada pekerjaan kita. Maklumat ini dikenali sebagai “maklumat yang dikenal pasti secara peribadi” atau “PII,” dan merangkumi nama, alamat kita, ID pekerja atau pemerintah, fotograf, dan sebarang gabungan data yang digunakan untuk mengenal pasti diri kita. Bagi mereka yang menggunakan, mengakses, mengumpul, mengekalkan atau berkongsi PII mestilah melakukannya mengikut dasar Syarikat dan undang-undang yang berkuat kuasa. Jika kerja anda memerlukan anda mengakses PII, lindungi privasi rakan sekerja anda, dan jangan sekali-kali mendedahkan maklumat ini di dalam atau di luar Frescale tanpa keperluan perniagaan yang sah dan memiliki kebenaran yang sah.



# Tanggungjawab Kita terhadap Pihak Ketiga Kita

*Di Freescale, kepercayaan dan kesetiaan pelanggan dan rakan niaga kita adalah penting demi kejayaan kita. Kecemerlangan Etika bermakna kita mempunyai tanggungjawab kepada semua pihak ketiga kita untuk menjalankan perniagaan secara sah dan beretika, tidak sekali-kali berpaling kepada amalan yang tidak adil dan tidak jujur untuk mencapai kejayaan kita.*

## Layanan yang Saksama

Rakan niaga kita menyediakan barang dan perkhidmatan yang kita perlukan bagi memenuhi keperluan pelanggan kita. Tanggungjawab kita kepada rakan niaga ini bermakna kita menggalakkan hubungan saling mempercayai dan rasa hormat terhadap mereka semua. Kita melayani rakan niaga kita secara adil dan mempertimbangkan merit dan reputasi semasa memilih organisasi yang kita ingin jalankan perniagaan. Kita menjalankan perniagaan dengan integriti dan tidak sekali-kali menyertai amalan perniagaan yang tidak sah termasuk rasuah. Ini bermakna kita tidak boleh membayar rasuah, sugu hati atau sogokan kepada pelanggan sebenar atau bakal pelanggan, pembekal atau rakan niaga yang lain. Ini juga merangkumi pembayaran tidak langsung kepada ejen bagi pihak ketiga ini serta ahli keluarga mereka. Freescale tidak akan menerima sebarang perniagaan jika rasuah atau cara tidak wajar atau tidak sah yang lain digunakan untuk memperolehnya atau mengekalkannya.

Beberapa juga, kita mengelak menjalankan perniagaan dengan orang lain yang sengaja melanggar undang-undang, termasuk undang-undang alam sekitar, undang-undang pekerjaan atau undang-undang keselamatan dan antirasuah. Semua peraturan dengan pihak ketiga mesti mematuhi dasar dan undang-undang Syarikat kita. Kita tidak sekali-kali menggunakan pihak ketiga untuk melakukan perbuatan yang dilarang oleh undang-undang atau Kod ini.

## Ejen dan Perunding

Kita percaya dalam pampasan yang adil untuk ejen dan perunding kita. Kadar komisen atau yuran yang dibayar kepada penjual, pengedar, ejen, pencari atau perunding mestilah berpatutan berdasarkan nilai produk atau kerja sebenar yang dijalankan. Kita tidak membayar komisen atau yuran yang kita mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai boleh menjadi rasuah.

## Subkontraktor

Subkontraktor memainkan peranan penting dalam memenuhi banyak aktiviti perniagaan kita. Dalam sesetengah kes, subkontraktor kita sering dilihat oleh pelanggan kita. Oleh itu, amat penting untuk kita memilih subkontraktor yang berkongsi komitmen dengan kita untuk mengekalkan standard tertinggi dalam kelakuan dan etika perniagaan kita.

## Amalan Pembelian

Keputusan pembelian yang kita buat mestilah berdasarkan kepentingan Syarikat kita semata-mata. Pembekal memenangi perniagaan Freescale berdasarkan sebaik mana produk atau perkhidmatan mereka memenuhi keperluan kita, serta komitmen yang mereka tunjukkan dari segi harga, penyampaian dan kualiti. Penting bagi kita untuk mendokumentkan semua perjanjian pembelian dan dengan jelas mengenal pasti:

- Perkhidmatan atau produk yang disediakan
- Asas untuk memperoleh bayaran
- Kadar atau yuran yang berkenaan

Kita membina perhubungan jangka panjang dengan pelanggan kita dengan menunjukkan dan mengekalkan standard tertinggi dalam kejujuran dan integriti. Amalan pemasaran dan pengiklanan kita adalah tepat dan benar. Mesej yang sengaja mengelirukan, peninggalan fakta penting, atau membuat dakwaan palsu mengenai penawaran

pesaing kita tidak sekali-kali boleh diterima. Kita hanya memperoleh perniagaan secara sah dan beretika. Rasuah atau sogokan tidak sekali-kali boleh diterima.

## Maklumat Pihak Ketiga

Pelanggan kita amat berharga kepada kita dan mereka mempercayai kita dengan maklumat peribadi mereka. Kita bertanggungjawab untuk melindungi maklumat pelanggan yang sensitif, peribadi atau sulit seperti mana kita berhati-hati untuk melindungi maklumat kita sendiri. Hanya mereka yang mempunyai sebab perniagaan yang disahkan untuk mengetahui maklumat sulit pelanggan boleh mengaksesnya. Ini bermakna kita tidak boleh mendedahkan maklumat sulit yang diamanahkan kepada kita oleh pelanggan, pembekal, penjual, atau rakan niaga Freescale, kecuali apabila pendedahan tersebut disahkan oleh Jabatan Undang-Undang atau diperlukan oleh sebarang undang-undang atau peraturan. "Maklumat sulit," yang akan dibincangkan dalam Kod ini, termasuklah semua maklumat bukan umum yang boleh memanfaatkan pesaing, atau membahayakan Freescale atau rakan niaganya, jika didekahkan.

**S: Jeff berasa teruja dengan projek yang hampir siap di Freescale.** Beliau merupakan orang penting dalam pembangunan MCU baharu yang akan merevolusikan produk yang ditawarkan oleh pelanggan automotif. Abang iparnya Russel adalah pengurus besar di syarikat pengedar kereta yang mengkhusus dalam jenama kereta yang akan terlibat. Jeff tahu betapa Russel menghargai inovasi baharu. Beliau berfikir untuk berkongsi berita semasa makan malam keluarga pada minggu hadapan. Lagipun, Russell akan tahu juga akhirnya nanti, dan tentu sekali hebat rasanya untuk melihat reaksi seseorang yang bekerja dalam industri automotif. Apa yang patut Jeff lakukan?

**A:Jeff tidak seharusnya membincangkan inovasi yang akan datang atau sebarang maklumat sulit Freescale dengan Russell.** Walaupun Jeff tidak salah untuk berbangga dengan kerja dan syarikatnya, maklumat sulit tetap tidak

boleh sama sekali dikongsi dengan mereka yang tidak diluluskan dan dibenarkan oleh Freescale. Melindungi maklumat sulit pelanggan, penjual, pembekal dan rakan niaga adalah suatu keutamaan. Setiap pekerja diminta untuk menggunakan integriti semasa mengendalikan maklumat sulit atau sebarang maklumat pihak ketiga.

## Persaingan Yang Adil

Syarikat kita menikmati reputasi kukuh dalam pasaran—satu daripada kualiti, integriti dan etika. Untuk mengekalkan reputasi ini, pematuhan terhadap proses kualiti dan keperluan keselamatan adalah penting. Lagipun, kita bersaing berdasarkan merit produk dan perkhidmatan yang kita tawarkan. Penghantaran produk atau penyampaian perkhidmatan yang gagal menepati standard prestasi tinggi Freescale akan merosakkan nama baik kita, dan menyebabkan kita kehilangan kepercayaan daripada pelanggan kita dan orang awam. Memandangkan Freescale mengekalkan standard tinggi ini untuk kedua-dua penawaran produk dan integriti perniagaan, kita tidak perlu dan tidak akan memperkecil-kecilkan para pesaing kita.

Kita memastikan bahawa kita mematuhi semua undang-undang antitrust dan persaingan yang tidak adil daripada negara-negara dimana kita menjalankan perniagaan. Undang-undang tersebut wujud bagi memastikan bahawa organisasi beroperasi berdasarkan peraturan yang sama, dan bahawa pelanggan kita mempunyai peluang untuk membeli barang dan perkhidmatan yang berkualiti pada harga yang berpatutan. Walaupun undang-undang persaingan adalah kompleks dan berbeza-beza daripada negara ke negara, ia secara umumnya melarang:

- Perjanjian dengan pesaing yang memudaratakan pelanggan, termasuk penetapan harga dan peruntukan pelanggan atau kontrak
- Perjanjian yang membataskan kemampuan pelanggan untuk menjual sesuatu produk, termasuk

menetapkan harga jual semula bagi sesuatu produk atau perkhidmatan, atau menyesuaikan jualan produk berdasarkan perjanjian untuk membeli produk dan perkhidmatan Freescale yang lain.

- Percubaan untuk memonopoli pasaran, termasuk menetapkan sesuatu produk di bawah kos bagi menyingkirkan persaingan

Perjanjian yang melanggar undang-undang dengan pesaing kita yang tidak didokumenkan secara rasmi boleh dianggap sebagai melanggar undang-undang. Perjanjian boleh ditulis atau secara lisan, dan rasmi ataupun tidak rasmi. Di samping itu, seperti banyak undang-undang lain yang kita ikuti dalam kerja sehari-harian kita, bayangan kelakuan kita juga boleh memberi kesan. Bahkan sesuatu perjanjian yang jelas dengan pesaing pun boleh dilihat sebagai pelanggaran terhadap undang-undang persaingan dan mempunyai akibat yang buruk terhadap Freescale dan mereka yang terlibat. Perjanjian dengan pesaing seharusnya merupakan keadaan yang tidak lazim dan tidak kerap dilakukan, dan sebarang perjanjian tersebut mestilah disemak oleh pihak pengurusan dan Jabatan Undang-Undang dengan teliti bagi memastikan pematuhan terhadap semua undang-undang dan Kod kita.

Selain itu, kita tidak boleh menggunakan sebarang kaedah yang tidak sah atau tidak beretika untuk mengumpulkan maklumat persaingan . Ini termasuk menyalahgunakan maklumat sulit atau rahsia perdagangan, berbohong atau menipu pesaing kita untuk mendapatkan maklumat yang biasanya mereka tidak akan berikan kepada kita, atau mendapatkan maklumat persaingan melalui bekas pekerja atau pekerja syarikat yang bersaing itu. Jika anda telah tersilap memperoleh sebarang maklumat sulit pesaing, atau mengesyaki bahawa maklumat persaingan telah diperoleh melalui cara yang melanggar undang-undang atau tidak beretika, hubungi pihak pengurusan, Pejabat

Kelakuan dan Etika Perniagaan, atau Jabatan Undang-Undang dengan segera.

Jika anda mempunyai soalan berkenaan undang-undang persaingan dan tindakan yang mungkin melanggar undang-undang tersebut, anda hendaklah mengajukan soalan-soalan itu secara terus kepada Jabatan Undang-Undang.

**S: Jean bekerja dengan pemproses dan sedang bekerjasama dengan rakan sejawat bagi projek yang boleh mengubah masa depan rangkaian tanpa wayar.** Sejak kebelakangan ini, projek tersebut kelihatannya seperti terhenti dan beliau secara peribadi telah ketandusnya idea yang berasas. Dalam masa yang sama, terdapat salah seorang pekerja baharu di Freescale yang pernah menjalani latihan singkat dengan pesaing, yang berkemungkinan juga membangunkan produk baharu untuk rangkaian tanpa wayar . Beliau akan mencuba untuk menemui pekerja baharu itu tidak lama lagi. Mungkin perbualan singkat dan mesra dengan pekerja baharu itu boleh mencetuskan kreativiti Jean. Bahaya apakah yang boleh berlaku dengan perbincangan tidak rasmi itu?

**J: Jean tidak seharusnya membincangkan pengalaman bekerja pekerja baharu semasa bekerja di syarikat pesaing – secara “tidak rasmi” mahupun sebaliknya.** Walaupun ianya adalah pelanggaran lisan terhadap standard persaingan adil kita, ia masih merupakan perbuatan yang tidak boleh diterima. Seorang pekerja Freescale tidak boleh sekali-kali memberi gambaran ingin mencuba untuk mendapatkan kelebihan bersaing yang tidak adil terhadap pelanggan dengan cara yang menipu. Kita mengambil pekerja yang bijak dan berkemampuan, dan kita tidak mempunyai sebarang alasan untuk cuba mengurangkan atau mengambil kesempatan daripada persaingan. Produk dan idea kita berdiri teguh melalui kekuatannya sendiri.

## Antirasuah

Banyak undang-undang yang kita patuhi dalam aktiviti perniagaan sehari-hari telah direka khusus untuk menegakkan keadilan dan integriti dalam pasaran. Undang-undang antirasuah juga tiada bezanya. Bergantung kepada amalan rasuah dan sogokan untuk memenangi perniagaan bukanlah cara yang betul untuk beroperasi dan tidak adil kepada sesiapapun yang terlibat. Inilah sebab mengapa kita komited untuk mematuhi semua undang-undang antirasuah daripada negara-negara yang kita menjalankan perniagaan, termasuk Akta Amalan Rasuah Asing Amerika Syarikat -- dan Akta Rasuah UK. Undang-undang ini dan undang-undang serta konvensyen antarabangsa lain menjadikannya tidak sah bagi syarikat-syarikat untuk memberi sogokan kepada pegawai kerajaan asing – atau secara luasnya dalam kes Akta Rasuah UK, sesiapa yang berada dalam kedudukan untuk membuat keputusan komersial – untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau mendapatkan kelebihan saingan lain yang tidak wajar. “Pegawai kerajaan asing” termasuk pekerja kerajaan persekutuan, negeri atau setempat, calon politik dan bahkan pekerja perniagaan yang dimiliki oleh kerajaan asing.

Secara ringkasnya, “sogokan” adalah apa-apa sahaja yang bernilai—wang, hadiah, pertolongan, tawaran hiburan, dan sebagainya—yang diberikan kepada seseorang pegawai kerajaan sebagai percubaan untuk mempengaruhi tindakan, keputusan atau kesediaan untuk menjalankan perniagaan.. Ianya merupakan pelanggaran terhadap Kod dan undang-undang antirasuah global untuk menawarkan atau membuat pembayaran rasuah secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana pegawai kerajaan, termasuk pekerja perusahaan yang dimiliki kerajaan. Begitu juga, kita tidak boleh menawarkan atau menerima “sogokan”, atau mengembalikan wang yang telah dibayar (atau bakal dibayar) sebagai ganjaran kerana membuat atau menggalakkan urusan perniagaan. Akhir sekali, kita tidak

boleh sekali-kali menawarkan “pembayaran pemudahan”, yang merupakan pembayaran kecil, biasanya diberikan secara tunai, digunakan untuk memudahkan tindakan rutin kerajaan seperti memproses visa, keistimewaan import atau eksport atau penyambungan utiliti. Memandangkan risiko pembayaran tersebut boleh disalah fahamkan sebagai sogokan (dan kerana banyak negara yang melarangnya), kita tidak membenarkan pembayaran tersebut dalam operasi kita, dengan pengecualian yang sangat sedikit dan terhad dengan berhati-hati.

Keperluan ini dikenakan kepada kedua-dua pekerja Freescale dan pembekal, subkontraktor serta ejen kita, walau di mana-mana jua di dalam dunia tempat kita menjalankan perniagaan. Jika anda dibenarkan untuk menggunakan khidmat ejen untuk menjalankan perniagaan bagi pihak Freescale, anda mesti memastikan bahawa ejen itu mempunyai reputasi yang baik. Ejen juga dikehendaki untuk bersetuju secara bertulis, dengan kehendak-kehendak antirasuah Freescale. Kita tidak sekali-kali boleh menggunakan khidmat ejen untuk membuat sogokan bagi pihak kita.

## Pelaburan Wang Haram!

Di mana mungkin, Freescale komited untuk mengesan dan mengelakkan pelaburan wang haram dan pembiayaan keganasan. Sebagai sebahagian daripada kewajipan ini, kita hanya menjalankan perniagaan dengan individu yang menjalankan perniagaan yang sah dan menepati undang-undang, serta identitinya telahpun disahkan. Kita mesti mematuhi semua undang-undang antipelaburan wang haram yang berkenaan, dan melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan kepada pengurus atau Jabatan Undang-Undang sebaik sahaja kita dimaklumkan.

Isu pelaburan wang haram adalah rumit dan anda tidak sepatahnya mencuba untuk mengendalikannya seorang diri. Jika anda berhadapan dengan sebarang transaksi yang

menimbulkan rasa syak atau wasangka mengenai aktiviti yang disyaki melanggar undang-undang, anda hendaklah melaporkannya dengan segera kepada Jabatan Undang-Undang atau Pejabat Kelakuan dan Etika Perniagaan.

**S:** Marc baru-baru ini telah dinaikkan pangkat sebagai jawatan pengurusan di sebuah negara asing. Setibanya beliau di sana, beliau mendapat bahawa sebuah bangunan tambahan kepada kemudahan Freescale telah beroperasi selama setahun setengah. Beliau berasa amat terkejut apabila mendapat tahu ia boleh mengambil masa yang lama untuk mendapatkan permit dan kerja-kerja pemeriksaan bangunan dapat dijalankan. Beliau memutuskan untuk menghubungi beberapa pegawai kerajaan penting dan menjemput mereka ke makan malam yang mewah dan mahal, termasuk minuman dan hiburan yang tinggi harganya. Bukanakah usaha untuk saling kenal-mengenali dengan para pegawai ini merupakan suatu idea yang baik? Tiada sesiapa yang perlu tahu.....

**J:** Tidak kira walau di mana-mana jua seseorang pekerja Freescale pergi di peringkat global, beliau mewakili etika syarikat kita. Kita semua adalah tertakluk kepada FCPA dan semua akta antirasuah, dan kita mesti bertindak dengan sewajarnya. Marc hendaklah mematuhi sebarang undang-undang antisogokan setempat. Jamuan yang mewah dan mahal yang ditawarkan kepada pegawai kerajaan, yang beliau ingin mendapatkan pertolongan, boleh dianggap sebagai sogokan di banyak negara di dalam dunia ini.

## Konflik Mineral

Freescale mengambil serius hal yang bersangkutan dengan konflik mineral . Freescale menyokong inisiatif global untuk membanteras salah guna hak manusia yang berlaku di rantau yang berkonflik di dalam dan di sekitar Republik Demokratik Congo (DRC). Syarikat kita melakukan tindakan

ini sebagai usahanya untuk memastikan produk kita bebas daripada emas, tin, tantalum dan tungsten yang sumbernya datang daripada lombong atau pelebur yang berkonflik. Sebagai sebahagian daripada komitmen kita terhadap produk yang bebas konflik, Freescale juga mengekalkan dasar dan proses yang menghendaki para pembekal kita untuk mengesahkan bahawa bahan-bahan yang mereka bekalkan untuk digunakan di dalam produk kita adalah bebas daripada mineral-mineral tersebut.

**Q:Shelley mengekalkan perhubungan dengan beberapa pembekal Freescale. Seorang wakil daripada salah sebuah syarikat yang membekalkan bahan-bahan produk kepada Freescale telah menghubungi beliau sebagai percubaan untuk menawarkan komponen yang mempunyai kualiti yang sama pada harga yang jauh lebih rendah.** Shelley berasa gembira—ini boleh menjimatkan banyak wang Freescale dalam tempoh jangka panjang. Walau bagaimanapun, apabila beliau meminta pengesahan daripada pembekal tersebut bahawa bahan-bahan itu diperbuat daripada mineral yang bebas konflik , beliau tidak menerima jawapan yang jelas. Haruskah beliau meneruskan dengan transaksi tersebut?

**A:Shelley hendaklah merujuk dahulu dengan Jawatankuasa Pematuhan atau Pejabat Perilaku dan Etika Perniagaan untuk menentukan sama ada Freescale boleh menjalankan perniagaan dengan pembekal ini.** Walaupun pemantauan kos boleh memanfaatkan Syarikat kita, berkompromi dengan integriti kita tidak memberi manfaat langsung dan niat Freescale ialah untuk memiliki bahan-bahan dan produk yang bebas daripada konflik.

## Hadiah dan Keraian

Semasa menjalankan urusan sehari-harian Freescale, kita bertukar-tukar pemberian dengan pelanggan, rakan niaga

dan orang lain yang kita bekerjasama atau berusaha untuk bekerjasama. Syarikat kita tidak bersendirian dalam hal ini. Sememangnya, telah menjadi suatu kebiasaan dalam pasaran hari ini untuk menggunakan hadiah, jamuan, keraian dan pemberian perniagaan sebagai usaha untuk menggalakkan rasa muhibah antara syarikat atau individu. Melakukan perkara dengan wajar, beretika dan sah di sisi undang-undang akan membantu kita menjalin perhubungan yang berpanjangan dengan orang lain. Garis panduan yang berikut telah ditetapkan untuk membantu kita untuk membezakan hadiah yang boleh diterima, dan hadiah yang melanggar Kod, polisi Syarikat dan undang-undang kita.

### Hadiah

Hadiah dianggap segala-gala yang bernilai yang kita berikan kepada atau terima daripada orang lain. Hadiah tidak selalunya berbentuk fizikal—hadiah juga boleh wujud dalam bentuk perkhidmatan, pertolongan atau barang bernilai yang lain. Adat memberi hadiah adalah berbeza-beza dalam kalangan budaya di dalam dunia, dan hadiah yang mewah dianggap suatu kelaziman di sesetengah kawasan yang tertentu. Walau bagaimanapun, walaupun mana-mana juga kita menjalankan perniagaan , kita mestи mematuhi standard yang serupa untuk pemberian dan penerimaan hadiah.

### Hadiah Diberikan kepada dan oleh Pekerja Freescale

Mengikut peraturan, kita tidak menerima sogokan, hadiah yang mewah, atau sagu hati daripada seseiapapun. Kita boleh menerima barang yang bernilai nominal, seperti baju kemeja, cawan, pen, atau item promosi kecil lain yang membawakan logo syarikat lain. Kita tidak boleh menerima apa-apa yang kelihatannya boleh menjelaskan pertimbangan diri. Jika anda percaya adalah tidak praktikal atau berbahaya untuk menolak atau mengembalikan

sesuatu hadiah yang berharga lebih daripada nilai nominal, bincangkan situasi tersebut dengan Pejabat Perilaku dan Etika Perniagaan bagi membantu anda untuk menentukan tindakan yang terbaik untuk diambil.

Hadiah-hadiah yang kita tawarkan kepada orang lain mesilah sah, berpatutan dan telah diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh pihak pengurusan setempat. Seperti yang telah disebutkan dalam seksyen “Antirasuah” dalam Kod ini, kita tidak sekali-kali membayar sogokan—kepada pegawai kerajaan, atau kepada pihak ketiga yang lain. Selanjutnya, jika sesuatu hadiah yang tertentu telah dilarang oleh undang-undang atau dasar organisasi penerima, kita tidak akan menawarkannya.

### Keraian

Di Freescale, “keraian”, termasuk jamuan, acara teater, muzikal, artistik atau acara sukan yang berlaku di luar pejabat. Mengikut dasar Syarikat kita, keraian yang sah menghendaki kedua-dua pekerja Freescale dan wakil rakan niaga semasa atau bakal rakan niaga tersebut menghadiri acara itu.

### Keraian bagi dan oleh Pekerja Freescale

Keraian yang berpatutan yang mendahuluikan kepentingan Freescale secara umumnya boleh diterima. Sebagai contoh, mengiringi rakan sekutu perniagaan ke acara kebudayaan atau sukan setempat, atau ke jamuan, adalah amalan yang biasa dilakukan selagi perniagaan itu dibincangkan. Walau bagaimanapun, keraian yang mewah atau kerap mungkin kelihatan seolah-olah mempengaruhi pertimbangan diri kita. Sebelum memberi atau menerima keraian yang mungkin kelihatan tidak wajar, sama ada disebabkan oleh kos atau sifatnya, kita mestи mendapatkan kebenaran dahulu daripada pihak pengurusan kita.

Dana Freescale tidak boleh digunakan untuk sebarang keraian yang boleh memalukan atau membahayakan Freescale jika didehdahkan kepada umum. Kita dikehendaki menggunakan pertimbangan yang wajar semasa menawarkan atau menerima sebarang bentuk keraian. Jika anda mempunyai kemusyikilan mengenai sama ada bentuk hiburan yang tertentu adalah wajar, bincangannya dahulu dengan pihak pengurusan. Ingat, melayani pegawai kerajaan mungkin merupakan pelanggaran terhadap undang-undang antirasuah.

## Pelancongan

Kita boleh menerima pengangkutan dan penginapan yang disediakan oleh pembekal Freescale atau pihak ketiga yang lain, selagi lawatan tersebut:

- Adalah untuk tujuan perniagaan
- Tidak akan kelihatan seolah-olah mempengaruhi pertimbangan diri kita bagi pihak Freescale
- Diluluskan terlebih dahulu oleh pihak pengurusan

Semua penginapan perjalanan yang kita terima mestilah direkod dengan tepat dalam rekod perbelanjaan perjalanan kita.

Freescale boleh membayar untuk pengangkutan dan penginapan pelanggan, ejen atau pembekal kita berhubung dengan lawatan ke kemudahan atau pemasangan produk Freescale, melainkan kita dilarang daripada berbuat demikian oleh undang-undang atau dasar organisasi penerima tersebut. Lawatan tersebut mestilah untuk tujuan perniagaan yang sah. Sebagai contoh, pemeriksaan peralatan di tapak, rundingan kontrak atau latihan akan dianggap sebagai alasan yang sah.

Semua perjalanan oleh pegawai kerajaan yang ditaja atau berbayar oleh Freescale mestilah diluluskan terlebih dahulu oleh Naib Presiden Kanan Freescale dan Pejabat Perlakuan dan Etika Perniagaan. Untuk mendapatkan maklumat tambahan, sila lihat seksyen "Antirasuah" daripada Kod ini.

**S:** Alicia, seorang wakil jualan , telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memenangi klien antarabangsa selama berbulan-bulan lamanya. Klien tersebut akhirnya bersetuju untuk menghantar wakil ke Austin untuk membincangkan penyelesaian pemprosesan tertentu yang boleh ditawarkan oleh Freescale. Semasa Alicia menghubungi wakilnya untuk mengaturkan rancangan perjalanan, beliau telah membayangkan bahawa lawatan itu tentu menjadi lebih menarik dengan adanya tiket ke perlawanan bola sepak. Beliau mahu menyaksikan sukan Amerika dan sedia maklum bahawa University of Texas Longhorns adalah pasukan yang hebat untuk disaksikan. Malah, beliau mencuba untuk membawa keluarganya bersama-sama untuk lawatan dan ke perlawanan sukan ini. Patutkah Alicia mengaturkan kelebihan kecil ini? Ini tentu sekali akan menunjukkan betapa komitednya Alicia terhadap klien dan urus niaganya.

**J:** Walaupun telah menjadi suatu kelaziman untuk menyediakan pengangkutan dan penginapan kepada pelanggan yang sedang mempertimbangkan kontrak, semua perbelanjaan hendaklah berkaitan dengan tujuan perniagaan yang sah. Menyediakan keraian atau hadiah tambahan yang mewah adalah tidak dibenarkan. Menyediakan perjalanan dan penginapan tambahan untuk keluarga klien tersebut adalah melebihi perbelanjaan perniagaan yang biasa, begitu juga dengan memberikan tiket perlawanan bola sepak untuk kegunaan peribadi klien tersebut. Kepentingan Freescale hanya akan didahulukan jika kehadiran di acara demikian memberikan lebih banyak masa untuk membincangkan perniagaan yang sedang diusahakan.

## Pelanggan Kerajaan

Kita sedia maklum bahawa kaedah dan peraturan khusus diguna pakai kepada urus niaga kita dengan kerajaan setempat dan asing. Selain undang-undang antirasuah

dan antisogokan, kita mesti berhati-hati untuk mematuhi semua kewajipan undang-undang dan kontraktual semasa berurusan dengan pihak kerajaan. Di Amerika Syarikat sebarang kontrak . dengan kerajaan persekutuan mestilah mematuhi Peraturan Pemerolehan Persekutuan (FAR). Kerajaan persekutuan dan setempat di seluruh dunia mempunyai undang-undang dan peraturan pemerolehan yang khusus dan berbeza-beza yang telah ditetapkan bagi melindungi kepentingan orang awam. Undang-undang ini secara amnya melarang atau meletakkan had yang ketat terhadap hadiah, keraian dan perjalanan yang ditawarkan kepada pegawai kerajaan. Seringkali, undang-undang dan peraturan ini diguna pakai semasa membuat keputusan untuk mengambil bekerja pegawai kerajaan yang telah bersara ataupun ahli keluarga mereka, dan terhadap sebarang perlakuan yang mungkin dilihat sebagai mempengaruhi secara tidak wajar dalam membuat keputusan yang objektif.

Banyak undang-undang lain yang mengawal ketat amalan perakaunan dan pengurusan bil-bil yang diguna pakai untuk memenuhi kontrak dan subkontrak kerajaan. Undang-undang ini diguna pakai kepada kita semua di seluruh dunia. Apabila Syarikat kita menggunakan pembekal atau subkontraktor untuk memenuhi komitmen terhadap pelanggan kerajaan, kita mungkin bertanggungjawab untuk menyampaikan keperluan unik kerajaan ini kepada mereka. Jika anda berurusan dengan pegawai dan kontrak kerajaan, anda bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang diguna pakai. Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai undang-undang yang berkuat kuasa, sila hubungi Jabatan Undang-Undang.

# Tanggungjawab Kita terhadap Freescale



*Sebagai pekerja, pegawai dan pengarah Freescale, kita melakukan perkara yang terbaik untuk Syarikat kita. Kecemerlangan Etika bukan sahaja menjadikan Freescale tempat yang hebat untuk bekerja; bahkan juga membolehkan kita untuk berjaya dalam pasaran.*

## Konflik Kepentingan

OKewajipan etika kita menghendaki semua keputusan dan tindakan perniagaan mestilah berdasarkan kepentingan Freescale, bukan didorong oleh kepentingan atau perhubungan peribadi kita. Apabila kita membenarkan perkara itu berlaku, ia mewujudkan apa yang dikenali sebagai “konflik kepentingan”—suatu situasi yang menyebabkan aktiviti dan pelaburan kita boleh menjelaskan kepentingan Syarikat kita.Pada bila-bila masa anda menghadapi kemungkinan konflik kepentingan, hubungi pengurus atau Jabatan Undang-Undang anda untuk membincangkan tindakan yang sewajarnya.

Terdapat banyak cara yang boleh menimbulkan konflik kepentingan. Berikut ini adalah beberapa garis panduan am untuk membantu kita supaya memahami dengan lebih baik beberapa contoh yang paling lazim berlaku.

## Di luar Waktu Kerja

Para pekerja Freescale tidak dilarang untuk mempunyai pekerjaan tambahan di luar Freescale dengan kelulusan daripada pengurus mereka, tetapi kelulusan ini diberikan dengan had-had tertentu dan berhati-hati Untuk memberikan yang terbaik kepada Syarikat kita dan bekerja dengan ikhlas, pekerja Freescale tidak boleh bekerja untuk atau menerima bayaran untuk perkhidmatan daripada mana-mana pesaing, pelanggan, pengedar atau pembekal Freescale. Sebarang pekerjaan luar tidak boleh dicampuraduk dengan kerja kita di Freescale, dan tidak sepatutnya mengganggu kemampuan kita untuk memberi

sepenuh masa dan perhatian kita kepada pelaksanaan kerja kita. Kemahiran yang kita belajar dan gunakan di Freescale tidak boleh digunakan dengan cara yang boleh memudaratakan perniagaan Syarikat kita.Kita tidak boleh menggunakan masa, sumber, dana atau kemudahan Syarikat untuk menjalankan kerja luar, termasuk bekerja untuk diri sendiri.

Perlu diingatkan bahawa pekerja Freescale tidak perlu bekerja secara terus dengan sesebuah organisasi yang menjalankan perniagaan atau bersaing dengan Freescale untuk menyebabkan timbulnya konflik kepentingan. Sebarang hubungan komersial atau kewangan dengan pembekal, kontraktor, pelanggan, pesaing atau pengawal selia yang sedia ada , mahupun yang bakal ada dimasa hadapan boleh mempengaruhi pertimbangan diri dan keputusan bijak bagi pihak Freescale, hendaklah segera didekahkan.

**S:** Frederick menguruskan sekumpulan pereka untuk Freescale, dan pasukannya juga termasuk kontraktor yang terikat dengan kontrak yang lama. Frederick memiliki perniagaan peribadi sampingan yang terbit sebahagiannya daripada kepakaran yang diperoleh semasa bekerja dan menerima latihan di Freescale. Beliau menawarkan peluang kepada pasukannya untuk bekerja dengan syarikatnya pada hujung minggu dan berpendapat tawaran ini tidak mendatangkan masalah memandangkan beliau membayar gaji pasukannya menggunakan wangnya sendiri.

**J:** Terdapat banyak perkara yang salah dengan senario Frederick, termasuk kewujudan syarikat perniagaan Frederick yang berkemungkinan bersaingan dengan pekerjaannya di Freescale – termasuk maklumat sulit yang diperoleh dari syarikat. Sebarang pekerjaan luar mestilah diluluskan oleh pihak pengurusan, terutama sekali jika keadaan ini mungkin menimbulkan konflik



kepentingan. Selain itu, Frederick tidak boleh menjelaskan ahli pasukannya dengan menawarkan kepada mereka kerja yang bersaingan, meskipun kerja itu dijalankan pada hujung minggu dan dibayar sendiri oleh Frederick.

## Keahlian Lembaga

Berkhidmat di lembaga pengarah atau badan yang serupa untuk syarikat luar, majlis penasihat teknikal atau agensi kerajaan sambil bekerja sebagai pekerja Freescale boleh membahagikan kesetiaan kita antara Freescale dan organisasi yang lain. Oleh itu, pegawai dan pekerja Freescale mesti mendapatkan terlebih dahulu kebenaran daripada pihak pengurusan setempat dan Pejabat Perilaku dan Etika Perniagaan sebelum menerima sebarang jawatan pengarah luar bagi entiti yang diniagakan atau untuk keuntungan. Selain itu, CEO Freescale (dan mana-mana pegawai adalah tertakluk kepada Seksyen 16 Akta Sekuriti dan Bursa 1934) mesti mendapatkan dahulu kelulusan daripada Lembaga Pengarah Jawatankuasa Pampasan dan Kepimpinan sebelum menerima sebarang jawatan tersebut. Membantu komuniti kita dengan berkhidmat dengan lembaga pengarah atau organisasi kebajikan yang tidak mempunyai hubungan perniagaan dengan Freescale adalah digalakkan dan tidak memerlukan kelulusan terlebih dahulu.

## Pelaburan

Cara kita memilih untuk melaburkan dana kita seringkali kelihatan seperti perkara peribadi—dan sememangnya itulah sepatutnya—tetapi sesetengah pelaburan boleh mewujudkan konflik yang sebenar atau bayangan konflik. Adalah penting supaya kita tidak memberarkan pelaburan kewangan peribadi untuk mempengaruhi, atau seolah-olah mempengaruhi, pertimbangan diri kita bagi pihak Freescale. Ini boleh berlaku dengan pelbagai cara, tetapi berkemungkinan besar mewujudkan bayangan konflik jika

kita melabur dengan pesaing, pembekal, pelanggan atau pengedar. Jika terdapat sebarang keraguan tentang cara pelaburan itu mungkin ditanggapi, perkara ini hendaklah didedahkan kepada pihak pengurusan.

**S: Dalam tempoh waktu yang panjang ,Detrik telah mengumpulkan sejumlah besar dengan memerhatikan pasaran dan melabur dengan bijak.** Selama ini tidak pernah terdapat alasan untuk dia melaporkan pegangannya kepada pihak pengurusan Freescale kerana beliau amat berhati-hati semasa memilih syarikat yang tiada kaitan dengan Freescale. Walau bagaimanapun, baru-baru ini beliau telah dilantik mengendalikan jawatankuasa yang akan menilai kontrak pembekal sedia ada atau bakal pembekal. Salah satu daripada bakal pembekal barunya ialah syarikat yang beliau mempunyai pegangan dalam sahamnya. Adakah beliau patut mendedahkan konflik ini kepada pihak pengurusan, atau adakah memadai dengan menahan diri daripada memberi komen semasa perbincangan tertentu tersebut?

**J: Konflik kepentingan, dalam apa jua bentuk, mestilah didedahkan dengan cepat dan sepenuhnya kepada pihak pengurusan.** Mempunyai pelaburan luar yang boleh menggoyahkan keputusan Detrick adalah satu keraguan yang mempunyai kaitan. Membuat keputusan yang terbaik untuk Freescale hendaklah menjadi keutamaannya, dan perkara berkaitan kewangan peribadi boleh mengabui pertimbangannya.

## Melaporkan Perhubungan

Konflik kepentingan mungkin juga wujud apabila kita meluluskan pembayaran, melapor kepada, atau melaksanakan kuasa untuk mengambil pekerja, menaikkan pangkat atau memberi pampasan kepada ahli keluarga terdekat kita atau orang lain yang mempunyai pertalian



hubungan dengan kita. Untuk tujuan Kod ini, istilah “perhubungan” termasuk, tetapi tidak terhad kepada, situasi yang melibatkan penginapan bersama, hubungan romantik, tanggungan sah, perkongsian perniagaan atau urusan yang melibatkan kepentingan kewangan. Apabila kita menyelia atau diselia oleh individu yang berkongsi perhubungan peribadi dengan kita, kita menghadapi risiko bayangan bersikap bias dan berat sebelah. Jika anda menyelia atau melapor kepada ahli keluarga, rakan, rakan niaga luar, atau sesiapa yang lain yang anda mempunyai perhubungan peribadi, istiharkan kepada penyelia atau Sumber Manusia anda dengan segera.

### Peluang Korporat

Mengambil peluang untuk diri sendiri yang kita perolehi melalui penggunaan harta, maklumat korporat, atau jawatan kita di Freescale akan mengganggu kejayaan Syarikat kita. Oleh itu, pengarah, pegawai dan pekerja tidak boleh menggunakan sumber atau kelebihan lain untuk memperoleh manfaat peribadi yang tidak wajar. Selain itu, kita tidak boleh bersaing dengan Freescale secara langsung atau tidak langsung. Tanggungjawab utama kita kepada Freescale dan mendahulukan kepentingan Syarikat, apabila mungkin. Kita tidak boleh memperolehi secara langsung atau tidak langsung hak kepada mana-mana harta atau bahan yang kita tahu Freescale mungkin juga berminat untuk mendapatkannya atau memperolehi peluang yang sedemikian.

### Aset dan Maklumat Syarikat

Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab kita di Freescale, Syarikat kita menyediakan sumber-sumber yang diperlukan kepada kita untuk melakukan kerja kita. Ini termasuk aset fizikal seperti dana, produk, komputer dan telefon, serta kemudahan dan harta benda Syarikat yang lain. Para pekerja, pegawai dan pengarah bertanggungjawab untuk melindungi aset

yang diamanahkan kepada mereka daripada kehilangan, rosak, salah guna atau kecurian. Kita menggunakan aset Freescale untuk tujuan perniagaan sahaja. Penggunaan peribadi sampingan kita mungkin juga diluluskan oleh pihak pengurusan, selagi penggunaan tersebut tidak mengganggu kerja kita. Aset Freescale tidak sekali-kali boleh digunakan untuk tujuan yang melanggar Kod, dasar Syarikat kita atau undang-undang.

### Maklumat sulit

Maklumat sulit merupakan salah satu daripada aset Syarikat yang paling penting. Kita bertanggungjawab untuk melindungi semua maklumat sulit dengan melabelkannya, memastikan maklumat itu selamat dan menghadkan akses kepada mereka yang perlu tahu untuk menjalankan kerja mereka. Pekerja, pengawai dan pengarah hendaklah mengekalkan kerahsiaan maklumat yang diamanahkan kepada mereka, kecuali apabila pendedahan telah dibenarkan atau dimandatkan mengikut undang-undang. Maklumat sulit termasuklah sebarang maklumat yang secara umumnya tidak diketahui oleh orang awam dan akan memudaratkan Freescale—atau memanfaatkan pesaing kita—if didedahkan.

Beberapa contoh lazim mengenai maklumat sulit termasuklah data kewangan, maklumat harga, strategi pemasaran, kos, data teknikal, proses, susun atur dan reka bentuk peralatan dan jentera, sistem maklumat dan perisian komputer. Ini termasuk maklumat yang disampaikan dalam dokumen yang bertulis dan elektronik, serta perbualan rasmi dan tidak rasmi. Seperti yang dibincangkan dalam seksyen “Maklumat Pihak Ketiga” dalam Kod ini, ia juga merangkumi maklumat sulit yang telah diamanahkan kepada kita oleh rakan sejawat, pembekal, pelanggan dan orang lain. Kewajipan kita untuk memelihara maklumat sulit berterusan meskipun selepas hubungan kita dengan Freescale berakhir.

## Sistem Komputer Syarikat

Sistem komputer Freescale, serta rangkaian Syarikat kita, mestilah digunakan secara beretika dan mematuhi undang-undang. Melainkan dilarang oleh undang-undang setempat, Syarikat kita mempunyai hak untuk memantau penggunaan sistem ini pada bila-bila masa. Ini bermakna bahawa semua maklumat dan komunikasi yang kita hantar melalui, terima melalui atau disimpan dalam akaun e-mel atau mel suara Syarikat mestilah sah, dibenarkan dan bersifat profesional. Walaupun semasa penggunaan peribadi secara berkala terhadap komputer, e-mel dan mel suara Syarikat, kita mesti menggunakan pertimbangan yang baik. Kita tidak sekali-kali boleh mengakses, memuat turun, menyimpan atau melakar komunikasi atau bahan yang menyakitkan hati, eksplisit secara seksual atau tidak sah. Ini termasuk sebarang dokumen elektronik yang mungkin kita simpan pada komputer riba Syarikat atau peranti mudah alih lain.

**S: Andre, seorang pekerja Freescale, mempunyai telah mengadakan perhubungan sulit selama empat bulan sekarang.** Walaupun beliau berasa bersalah, beliau amat berbangga bahawa wanita yang lebih muda mendapatinya menarik. Isterinya, Eilene, tentu sekali akan kecewa jika beliau mengetahuinya. Mujurlah, Andre hanya berutusan dengan teman wanitanya melalui e-mel syarikat. Dengan mengelakkan alamat e-mel rumahnya, isterinya tidak sekali-kali dapat mengakses nota dan gambar-gambar lucu yang dihantar oleh teman wanitanya. Andre tidak membiarkan ini mengganggu kerjanya kerana beliau hanya menjawab semasa waktu rehat makan tengah harinya. Menurut beliau, perbuatannya itu hanyalah untuk sedikit keseronokan, dan sepatutnya ini tidak menjadi kebimbangan kepada orang lain tetapi kepada dirinya sendiri.

**J: Walaupun pilihan perhubungan Andre bersifat peribadi, penggunaan sistem komputer syarikat untuk perhubungannya bukan bersifat peribadi.** Para pekerja mesti melaksanakan pertimbangan yang baik semasa menggunakan peralatan syarikat. Penggunaan peribadi e-mel dan mel suara syarikat secara sekali-sekala adalah dibenarkan, tetapi kandungan yang menyakitkan hati, eksplisit, atau tidak sah adalah dilarang sama sekali. Freescale boleh memantau penggunaan komputer seseorang pekerja, dan semua dokumen dan e-mel yang dihantar melalui dan disimpan pada komputer syarikat hendaklah beretika dan berkaitan dengan kerja.

## Media Sosial

Kebanyakan kita telah agak biasa dengan media sosial. Kita menggunakan dalam kehidupan peribadi kita, sama ada kita menyertai secara aktif jaringan sosial, berkongsi foto dan video dalam talian, atau hanya membaca blog dan wiki yang telah ditulis oleh orang lain. Ada ketikanya, kita mungkin menggunakan dalam kehidupan profesional kita – untuk menjalin hubungan dengan profesional dari industri lain, contohnya, atau mengumpulkan maklumat yang tersedia kepada umum mengenai pasaran.

Kemungkinan yang diberikan oleh media sosial adalah tidak terhad. Itulah sebabnya kita perlu sentiasa mendedahkan identiti dan gabungan kita kepada Freescale setiap kali kita membincangkan topik mengenai Freescale dan industri kita, terutama sekali jika kita melibatkan pelanggan. Apabila kita mengenal pasti diri kita dalam talian sebagai pekerja Freescale, kita menerima tanggungjawab untuk berkelakuan secara profesional, sambil menjelaskan dengan terang bahawa pandangan kita hanyalah pandangan peribadi dan tidak mewakili pandangan Freescale. Kita tidak boleh menggunakan media sosial untuk mengecil-ngecilkan atau

menganggu Freescale, rakan sejawat, pelanggan, pesaing atau rakan niaga kita. Kita juga mesti menghormati dan melindungi hak milik intelektual dan maklumat sulit milik Syarikat kita atau pihak lain yang menjadi majikan kita – meskipun kita telah menetapkan tetapan privasi yang ketat pada akaun Facebook atau media sosial kita yang lain.

## Perdagangan Dalaman

Seperti yang dibincangkan dalam seksyen “Aset dan Maklumat Syarikat” dalam Kod kita, kita seringkali mempunyai akses kepada maklumat sulit – data yang tidak dibuka kepada orang awam. Apabila data ini menjadi “material,” dalam erti kata dimana pelabur yang waras akan mendapatinya penting untuk membuat keputusan dalam jual beli sekuriti, ini dikenali sebagai “maklumat dalaman.” Maklumat dalaman boleh berkaitan dengan Freescale, atau syarikat lain yang kita jalankan perniagaan. Maklumat ini termasuk antaranya, maklumat kewangan atau ramalan, perubahan dalam pengurusan eksekutif, pengetahuan tentang pembangunan produk yang signifikan, atau berita penggabungan atau pemerolehan. Kita tidak dibenarkan untuk menjual beli sekuriti atau sebarang jenis harta berdasarkan maklumat dalaman yang kita ketahui melalui kerja kita. Adalah melanggar undang-undang banyak negara, termasuk Amerika Syarikat jika terlibat dalam perdagangan dalaman, atau memberi “tip” kepada orang lain untuk melakukannya. Sesetengah daripada kita berada dalam keadaan yang tertakluk kepada tempoh cegah siar, apabila kita tidak boleh membuat sebarang urus niaga jual beliAHGB dalam sekuriti Freescale.

## Rekod Kewangan

Semua rekod dan komunikasi perniagaan kita – sama ada secara bertulis atau lisan – hendaklah jelas, benar dan tepat. Kita bergantung kepada penyimpanan rekod



dan pelaporan maklumat yang jujur dan tepat untuk membuat keputusan perniagaan yang bertanggungjawab. Begitu juga, pelanggan, rakan niaga kita dan orang awam mempercayai kita untuk menyampaikan maklumat ini untuk mendapatkan tanggapan yang tepat mengenai kedudukan kewangan Freescale. Ini termasuk data seperti kualiti, keselamatan dan rekod peribadi, serta semua rekod kewangan. Semua buku, rekod dan akaun kewangan mestilah mencerminkan transaksi dan kejadian dengan tepat dan melaraskan kedua-duanya mengikut prinsip perakaunan dan mengikut kawalan dan dasar dalam sistem Freescale. Kita tidak sekali-kali boleh membuat entri kewangan yang palsu atau buatan—perbuatan ini merugikan Syarikat kita, diri kita sendiri, dan pemegang kepentingan kita, dan mungkin melanggar undang-undang di bawah undang-undang Amerika Syarikat dan negara lain. Apabila sesuatu pembayaran dibuat, ia hanya boleh digunakan untuk tujuan perniagaan yang didokumenkan secara sah dan betul.

### Pengekalan Rekod

Rekod hendaklah sentiasa dikekalkan atau dimusnahkan mengikut dasar pengurusan rekod Freescale. Walau bagaimanapun, tiada rekod boleh dimusnahkan yang tertakluk kepada Penahanan Litigasi. Penahanan Litigasi adalah arahan daripada Jabatan Undang-Undang yang menghendaki kita untuk mengekalkan rekod-rekod tertentu yang relevan (atau berpotensi relevan) kepada hal undang-undang yang belum selesai. Jangan musnahkan, mengubah suai atau sebaliknya meminda sebarang dokumen tertakluk kepada Penahanan Litigasi – dan sentiasa tunggu sehingga penahanan tersebut telah dibatalkan secara rasmi sebelum mengambil sebarang tindakan dengan rekod ini.

# Tanggungjawab Kita terhadap Komuniti Kita



Freescale adalah warga yang bertanggungjawab ke atas semua lokasi global di mana kita menjalankan perniagaan. Kecemerlangan Etika bermakna kita menghargai komuniti tempat kita tinggal dan bekerja, dan berusaha untuk melindungi persekitaran sekeliling kita. Kita menegakkan undang-undang yang menguasai perniagaan kita dalam semua bahagian operasi kita.

## Pematuhan Perdagangan

Di Freescale, kita komited untuk mematuhi undang-undang dan peraturan dalam semua aktiviti kita dan dalam semua komuniti global tempat kita beroperasi. Oleh itu, apabila kita mengimport atau mengeksport produk, perkhidmatan, maklumat atau teknologi di seluruh dunia, kita mematuhi undang-undang, peraturan dan sekatan setiap negara yang mungkin melaksanakan kuasa ke atas pengimportan dan pengeksportan Freescale.

“Eksport” berlaku setiap kali perkhidmatan yang tertentu disediakan, atau perkara seperti teknologi atau perisian dipindahkan ke negara lain. Pemindahan teknologi, maklumat teknikal, atau perisian dalam sesebuah negara melalui sebarang kaedah (termasuk secara lisan atau elektronik) boleh juga dieksport jika dipindahkan kepada seseorang yang bukan warga atau penduduk sah negara tersebut. Sebelum mengeksport apa-apa, anda mestilah menentukan dahulu sama ada perkara, teknologi atau perisian boleh dipindahkan ke penerima yang dimaksudkan dan negara yang mereka duduki. Anda mesti juga mendapatkan (atau mengesahkan bahawa Freescale mempunyai) semua lesen atau kebenaran yang diperlukan.

“Mengimport” berlaku setiap kali kita membawa item ke negara lain. Import juga adalah tertakluk kepada beberapa undang-undang dan peraturan yang mungkin menghadkan perkara perkara yang boleh diimport, atau yang memerlukan pembayaran duti dan cukai serta penyerahan fail-fail yang tertentu.

Sama ada mengimport atau mengeksport, kita bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat dan mematuhi undang-undang yang berkaitan dengan kerja kita, dan untuk menyemak dengan pasukan Pematuhan Freescale apabila mempunyai keraguan.

**S: Jawatan Ramon di Freescale tidak memerlukannya membuat banyak kerja luar daerah—menghadiri persidangan yang berhampiran dan tidak kerap adalah kerja luar yang paling banyak dilakukannya.** Beliau menganggap salah satu bahagian yang paling menyeronokkan dalam kerjanya ialah untuk bekerjasama dengan orang lain di seluruh dunia. Semasa bekerja pada hujung minggu dengan kontraktor mengenai sesuatu projek, Ramon tidak dapat mengakses perisian Freescale yang disediakan untuk membantunya memindahkan fail teknologinya kepada kontraktor walau di mana-mana juga kontraktor itu berada. Sebagai jalan keluar, Ramon memutuskan untuk menghantar fail itu melalui e-mel kepada kontraktor ini melalui akaun peribadinya. Fail ini cukup kecil, walaupun mengandungi maklumat penjenamaan Freescale. Adakah Ramon sepatutnya menunggu sehingga kembali ke tempat kerja untuk menghantar fail ini dengan selamat?

**J: Ya.** Semua produk, teknologi dan perisian Freescale adalah tertakluk kepada undang-undang eksport Amerika Syarikat serta undang-undang negara asal eksport atau pemindahan lain tersebut. Inilah menunjukkan betapa pentingnya untuk mendapatkan pengesahan samadaperisian dan teknologi yang terlibat dalam projek anda itu boleh dipindahkan kepada penerima yang dimaksudkan dan dinegara dimana penerima yang dimaksudkan itu berada. Ini adalah benar tanpa mengira cara



pemindahan itu dilakukan, termasuk melalui e-mel, menghantar teks sms atau perbualan secara lisan.

## Pemerdagangan Manusia

Freescale mempercayai kebebasan untuk semua individu dan tidak bertoleransi langsung terhadap sebarang bentuk paksaan, ancaman yang membahayakan, buruh paksa atau kontrak, atau sekatan fizikal terhadap sesiapapun yang menyediakan perkhidmatan kepada kita. Ini diguna pakai kepada semua pekerja, kontraktor dan ejen Freescale. Kita mesti memberitahu pihak pengurusan dan Pejabat Perilaku dan Etika Perniagaan dengan segera jika kita percaya bahawa seseorang sedang dipaksa untuk menyediakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak Freescale tanpa kerelaan mereka.

## Perlindungan Alam sekitar

Kesedaran bahawa kerja kita mempunyai kesan yang sedikit terhadap alam sekitar global adalah penting kepada kita. Kita menghormati alam sekitar dengan mematuhi semua undang-undang alam sekitar yang berkuat kuasa di semua negara kita menjalankan perniagaan. Kita berusaha untuk melindungi alam sekitar dengan mengurangkan kesan alam sekitar daripada operasi kita dan menjalankan perniagaan kita dengan cara yang menggalakkan penggunaan mamparnya terhadap sumber asli dunia. Kita dijangka untuk menyokong komitmen ini dengan mematuhi dasar dan program alam sekitar Freescale. Dimana mungkin, kita bertanggungjawab untuk memelihara sumber dan melupuskan sebarang bahan berbahaya dengan sewajarnya. Kita mesti memberitahu pihak pengurusan dengan segera jika bahan yang berbahaya terdedah kepada alam sekitar atau dikendalikan atau dibuat dengan cara yang tidak wajar.

## Aktiviti Politik dan Kebajikan

Kita berkhidmat kepada masyarakat dengan menyediakan produk dan perkhidmatan yang mempertingkatkan kehidupan pada harga yang berpatutan dan menyokong secara aktif komuniti tempat kita beroperasi. Kita bebas dan digalakkan untuk menyokong komuniti, organisasi kebajikan dan politik dan sebarang usaha baik pilihan kita. Walau bagaimanapun, jika kita memilih untuk melakukannya, kita mesti menjelaskan bahawa pendapat dan tindakan peribadi kita bukanlah pendapat Freescale. Kita tidak sekali-kali akan memberi tekanan kepada pekerja lain untuk menyumbang atau menyokong usaha politik, keagamaan atau kebajikan kita, atau memaksa sesiapapun untuk memberikan pendapat yang bercanggah



dengan kepercayaan mereka sendiri. Dan seperti semua aktiviti luar yang lain, kita mesti memastikan bahawa usaha kesukarelawanan kita tidak mengganggu tanggungjawab kerja atau jadual kerja kita.

Selain itu, kita tidak boleh membuat sebarang sumbangan politik bagi pihak Freescale tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada kedua-dua Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Pegawai Undang Undang. Kelulusan yang sama diperlukan terhadap sebarang penggunaan nama, dana, harta, peralatan atau perkhidmatan Freescale bagi menyokong sebarang parti politik, inisiatif, jawatankuasa atau calon, termasuk sebarang sumbangan yang bernilai. Selanjutnya, aktiviti melobi atau hubungan dengan kerajaan bagi pihak Freescale, selain daripada aktiviti jualan, mestilah diselaraskan dahulu dengan Jabatan Undang-Undang.

### Pertanyaan Pihak Luar

Kita menyediakan maklumat yang adil, tepat dan menepati waktu kepada orang awam, tanpa mengira jenis maklumat yang kita kongsikan. Untuk memastikan komunikasi kita jelas, selaras dan profesional, kita mengemukakan semua permintaan daripada media kepada Komunikasi Korporat. Kita dikehendaki untuk bekerjasama dengan permintaan yang munasabah bagi maklumat daripada agensi dan pengawal selia kerajaan, tetapi hendaklah merujuk dengan Jabatan Undang-Undang sebelum memberi respon kepada sebarang permintaan yang bukan rutin. Kita bertanggungjawab untuk bekerjasama sepenuhnya dengan semua audit dan penyiasatan yang mungkin diminta oleh Syarikat kita. Maklumat yang kita berikan mestilah jujur dan tepat pada setiap masa. Kita tidak boleh menyembunyikan, meminda atau memusnahkan dokumen atau rekod sebagai tindakan terhadap sesuatu penyiasatan, litigasi atau sebarang permintaan sah yang lain.

## Pengecualian

Kod Freescale ini bertujuan untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Apabila perlu, pelaksanaan dan penggunaan peruntukan didalam Kod ini mungkin diubah suai bagi memastikan pematuhan dengan keperluan setempat yang tertentu. Walaupun Freescale tidak menjangkakan keperluan untuk sebarang pengecualian terhadap Kod ini, situasi mungkin timbul apabila pengecualian daripada salah satu peruntukan Kod ini adalah wajar atau perlu. Sebarang pengecualian untuk pegawai eksekutif dan pengarah mestilah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Freescale. Ini kemudian akan didedahkan kepada umum, dengan mematuhi keperluan penyenaraian yang berkuat kuasa. Semua pengecualian lain mestilah diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau Ketua Pegawai Undang Undang.

## Sumber Maklumat

[ethics.freescale.net](http://ethics.freescale.net)

Talian Bantuan Etika boleh dihubungi:

- Dengan telefon di (+1) 877-575-5777 (di negara-negara yang membenarkan panggilan talian bebas tol ke Amerika Syarikat) atau (+1) 480-413-5777.
- Dengan e-mel pada [EthicsHelpLine@freescale.com](mailto:EthicsHelpLine@freescale.com) atau, dalaman, melalui laman sesawang Pejabat Perilaku dan Etika di bahagian atas halaman Summit dengan menggunakan borang laporan disesawang tanpa nama.

Freescale and the Freescale logo are trademarks of Freescale Semiconductor, Inc., Reg. U.S. Pat. & Tm. Off. All other product or service names are the property of their respective owners.  
© 2006-2013 Freescale Semiconductor, Inc.

